



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

JPJ & SPRM BERGANDING BAHU; PERANGI DALANG KEBOCORAN MAKLUMAT PENGUATKUASAAN

PUTRAJAYA – Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia (JPJ) mengambil maklum dan menyokong penuh tindakan tegas **Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)** dalam memburu secara agresif individu yang disyaki berperanan sebagai **orang tengah** serta **dalang penyaluran maklumat operasi** kepada pihak tidak bertanggungjawab.

Dalam hal ini, JPJ ingin menegaskan bahawa jabatan ini memberi **sokongan penuh** terhadap usaha berterusan SPRM dalam membanteras sebarang bentuk **ketirisan maklumat sulit serta salah laku integriti**. Tindakan tegas dan tanpa kompromi seperti ini adalah selaras dengan **komitmen JPJ** untuk memastikan tadbir urus penguatkuasaan yang **telus, berintegriti dan berakauntabiliti**

Ketirisan maklumat operasi yang berlaku telah memberi **kesan langsung kepada keberkesanan penguatkuasaan** di lapangan dan **menjejaskan keberhasilan operasi**, malah mencetuskan **insiden provokasi dan ancaman** terhadap keselamatan anggota JPJ ketika menjalankan tugas.

Jabatan ini akan terus **bekerjasama rapat dengan SPRM** dan mana-mana agensi penguatkuasaan berkaitan untuk mengekang aktiviti orang tengah ini, bertepatan dengan **aspirasi dan arahan YB Menteri Pengangkutan** untuk mengukuhkan budaya integriti sebagai teras dalam pelaksanaan fungsi jabatan, termasuk usaha **memperketat kawalan keselamatan maklumat dalaman, pemantauan integriti dan tindakan tatatertib** bagi memastikan perkara ini tidak berulang.

JPJ kekal komited untuk melaksanakan **penguatkuasaan secara profesional** demi keselamatan jalan raya dan kepentingan awam. Sebarang **pelanggaran integriti** akan **ditangani secara tegas** selaras dengan undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa.

**KETUA PENGARAH
PENGANGKUTAN JALAN MALAYSIA**

24 FEBRUARI 2026

[TAMAT]